TRANSFORMATIVE TEACHING THROUGH LABORATORY PRACTICAL VIDEOS: STUDENT REFLECTIONS ON FOOD ANALYSIS EXPERIENTIAL LEARNING

[1]*Seng Joe Lim*, Zhi Yin Ter & [1] Wan Aida Wan Mustapha

[1] Department of Food Sciences, Faculty of Science and Technology, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

* joe@ukm.edu.my

ABSTRACT

Transformative teaching fosters meaningful shifts in how students think, learn, and engage with the world. This study evaluates the impact of a structured instructional approach in which Food Science students at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), enrolled in Food Chemistry and Food Analysis practical courses, were required to watch laboratory videos in addition to reading the manual prior to their actual lab sessions. This dual preparation ensured that students understood both what needed to be done and how to perform procedures before entering the lab, thereby enhancing comprehension and improving the efficiency of teaching and learning. The videos, recorded in real laboratory settings, demonstrated key analytical techniques such as moisture and ash content determination. The videos are publicly available on YouTube, extending their educational benefit beyond UKM, to students and educators worldwide. Survey results revealed that 98% of students agreed or strongly agreed that the videos helped them understand the objectives and feel more prepared. Another 93% reported improved understanding of procedures, and 98% found the videos more effective than reading alone. Students also noted increased confidence, reduced anxiety, and greater efficiency. These findings underscore the potential of openly accessible pre-lab video instruction to support transformative learning both locally and globally.

ENHANCING FOOD SCIENCE STUDENTS' UNDERSTANDING OF QUANTITATIVE DESCRIPTIVE ANALYSIS (QDA) THROUGH A HYBRID CASE-BASED AND ONLINE PRACTICAL APPROACH

[1] *Salma Mohamad Yusop

Department of Food Sciences, Faculty of Science and Technology, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43650, Bangi, Selangor, Malaysia

* salma_my@ukm.edu.my

ABSTRACT

Delivering practical components of sensory analysis, especially for techniques like Quantitative Descriptive Analysis (QDA) which typically demand weeks of intensive panel training, has been significantly challenged by limited access to sensory facilities at the Food Pilot Plant at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) due to building and space constraints. To overcome this, we implemented a hybrid instructional model for 75 second-year Food Science students, integrating online sessions to introduce and strengthen their conceptual and practical understanding of QDA. This pedagogical approach involved sessions combining face-to-face and synchronous online lectures, supported by real-world case studies of various food products involving multivariate analysis. A core intervention was an online QDA practical, centered on the sensory evaluation of different commercial chili sauces. This allowed students to explore and identify key stages in QDA methodology. Students also received training in interpreting Principal Component Analysis (PCA) plots derived from sensory data, with comprehension assessed through critical analysis of scientific articles reporting QDA results. Learning outcomes indicated a marked improvement in students' ability to understand the process of QDA and able to interpret multivariate sensory data, particularly PCA plots. A satisfaction survey revealed positive student perceptions of the hybrid format, noting its effectiveness in bridging theoretical concepts and applied skills despite spatial constraints. The case-based, online-practical approach demonstrated strong potential as an adaptable and effective strategy for sensory education in environments with limited access to physical resources.

Keywords: hybrid learning, sensory evaluation education, Quantitative Descriptive Analysis (QDA).

INOVASI MODUL PEMBELAJARAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) UNTUK STAF AKADEMIK JABATAN SAINS KIMIA: TRANSFORMASI BUDAYA KESELAMATAN DALAM PERSEKITARAN AKADEMIK

[1]* Nurul Izzaty Hassan, [2] Nur Hidayah Deris, [3] Shawal Mudila Mahmud, [4] Zaharah Harun, [5] Raihana Mohamed Isa, [6] Mohd Firdauz Ismail, [7] Norliza Abu Baker, [8] Rohazlin Mohamad, [9] Muhammad Azirul Nhasriq Ahamad Zani, [10] Mohd Hisyam Syabril Yaacob, [11] Faridey Jaafar, [12] Mohd Azizi Ahmad Azam, [13] Yusmita Yunos, [14] Mohd Asyraf Bassri, [15] Humaira Mat Arif & [16] Farah Suella Asnina Jumaat

[1] Jabatan Sains Kimia, Fakulit Sains & Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia,
[2]- [16] Sekretariat Makmal & Instrumentasi, Faculti Sains & Teknologi, Universiti
Kebangsaan Malaysia

* drizz@ukm.edu.my

ABSTRAK

Keperluan untuk mempertingkatkan kesedaran dan kemahiran keselamatan di kalangan kakitangan akademik amat mendesak, terutamanya dalam jabatan yang terdedah kepada bahan kimia dan peralatan berisiko tinggi. Modul inovatif ini direka untuk memacu transformasi budaya keselamatan melalui pendekatan dua siri bengkel yang memenuhi keperluan pematuhan perundangan dan amalan kerja selamat. Siri pertama memfokuskan kepada pengenalan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 (Akta A1648), Peraturan melalui pendekatan dua siri bengkel yang memenuhi keperluan pematuhan perundangan dan amalan kerja selamat. Siri pertama memfokuskan kepada pengenalan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 (Akta A1648), Peraturan USECHH 2000 serta pendaftaran dalaman bahan kimia berbahaya (SeCHRA) melalui kajian kes berkumpulan. Siri kedua pula menekankan aspek pelabelan, prosedur pelupusan serta analisis statistik kemalangan di Bangunan Kimia. Pendekatan andragogi, yang mengutamakan penyertaan aktif dan fasilitasi oleh pegawai insiden, dijangka dapat meningkatkan pemahaman, pengetahuan dan daya tahan budaya keselamatan dalam kalangan tenaga akademik. Inisiatif ini bukan sahaja memenuhi keperluan undang-undang tetapi juga berpotensi dijadikan model perintis di peringkat nasional untuk meningkatkan prestasi keselamatan dan keberkesanan pengurusan risiko di institusi pengajian tinggi.

Kata Kunci: Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, Akademik, Tumpahan Bahan Kimia & Pelupusan Sisa Berjadual

OSRL AND PEER LEARNING: A STRATEGIC APPROACH TO ENHANCE UNIVERSITY MATHEMATICS STUDENTS' LEARNING ENGAGEMENT IN ONLINE CLASSES

[1]* Malathi Letchumanan, [1] Sharifah Kartini Said Husain, [1] Ahmad Fauzi Mohd Ayub

[1] Institut Penyelidikan Matematik, Universiti Putra Malaysia

* malathi@upm.edu.my

ABSTRACT

This study investigates the effects of peer learning on learning engagement and examines the mediating role of online self-regulated learning (OSRL) in the relationship between peer learning and learning engagement. A total of 112 mathematics students from two public universities in Malaysia participated in the study. Descriptive analysis and partial least squares structural equation modelling (PLS-SEM) were used to analyse the data. The results revealed that peer learning had no significant direct effect on learning engagement. However, OSRL was found to have a direct influence on students' learning engagement. The findings also suggest that peer learning is a key antecedent of OSRL and that OSRL fully mediates the relationship between peer learning and learning engagement. This study provides practical guidance for scholars on the roles of peer learning and OSRL in promoting student learning engagement in online mathematics classrooms. Additionally, it provides policymakers with insights on how the OSRL approach can enhance students' learning engagement in online mathematics learning environments.

Keyword: peer support; online learning environment; supporting environments; university; mathematics

VIRTUAL REALITY IN DENTAL EDUCATION: BOOSTING COMPETENCE AND CONFIDENCE IN ADMINISTERING INFERIOR ALVEOLAR NERVE BLOCK

[1]* Siti Nuramanina Abdul Shukor, [1] Nurul Afiqah Abdul Razak, [1] Nur Athirah Khairudin, [1] Atika Ashar, [1] Mohd Nazimi Abdul Jabar

[1] Faculty of Dentistry, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Kuala Lumpur Campus

* dr.nuramanina@ukm.edu.my

ABSTRACT

Administering local anaesthesia (LA), particularly the Inferior Alveolar Nerve (IAN) block, is essential for dental students yet often challenging to acquire. This study evaluates Virtual Reality (VR) as a supplementary learning tool for improving conceptual understanding, confidence, and anxiety management in IAN block training. A mixed-method cohort study was conducted among third-year dental students at Universiti Kebangsaan Malaysia. The 2023/2024 cohort (n = 44) underwent conventional student-to-student training, while the 2024/2025 cohort (n = 49) underwent the same training supplemented with VR-based simulation. Data collection included a validated five-point Likert scale questionnaire, the Interval Scale of Anxiety Response (ISAR), and focus group discussions. The VR-trained cohort demonstrated significantly better understanding of anatomical landmarks, injection techniques, and correct angulation and depth ($p < 0.05$). Although pre-procedure anxiety levels showed no significant difference, conventional training students expressed greater concern about post-injection complications ($p = 0.015$). Focus group feedback highlighted that VR increased engagement and confidence but underscored difficulties in translating virtual simulations to real-life practice. VR-based training effectively strengthens conceptual understanding and confidence in IAN block administration. However, optimal learning outcomes require its integration with hands-on clinical practice to ensure smooth transfer of skills between virtual and realworld settings.

Keyword: Virtual Reality, Dental Education, Local Anaesthesia, Inferior Alveolar Nerve Block, Confidence

ENGAGING MINDS AND HANDS: CYANOTYPE BIOART AS A HUMAN-CENTERED GATEWAY TO PLANT SCIENCE

[1]* Faridah Qamaruz Zaman & [1] Mohd Noor Hisham Mohd Nadzir

[1] Department of Biology. Faculty of Science, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
Selangor. Malaysia

* fqz@upm.edu.my

ABSTRAK

Digital-era students often tune out when taught through conventional lectures. Generation Z, known for its visual orientation and desire for experiential relevance, responds better when learning is tangible and socially engaging. To tap into this, we used the cyanotype of 19th century photographic printing process as a bioart practice for teaching Plant Structure and Function. Cyanotyping involves placing plant specimens on photosensitive paper and exposing them to sunlight (UV light), resulting in striking blue-and-white prints that reveal intricate morphological details. By integrating this method into the course, students can visually explore leaf venation, floral symmetry, root architecture, and other morphological features, reinforcing theoretical concepts through artistic expression. Implemented as a lab-based module, this approach has shown to increase student engagement, enhance memory retention, and promote collaborative learning. It addresses multiple learning styles kinesthetic, visual, and reflective while offering a refreshing contrast to screen-based instruction. Pre- and post-activity surveys show that using cyanotype dramatically boosts engagement: students' self-reported knowledge, confidence, perceptions of interdisciplinary learning and practical skills rose from 61–72% to 92–95%. By blending art and science, this human-centred approach not only enriches biological literacy but also cultivates joy, community and a personal connection to the material, demonstrating that immersive bioart can reinvigorate science education for today's learners.

Keywords: STEM, cyanotype, student engagement, Generation Z, BioArt

PEMBANGUNAN *METaverse-ASSISTED TEACHING IN OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (MATOSH)* UNTUK MENINGKATKAN TAHAP MINAT, PEMAHAMAN DAN PENGLIBATAN DALAM KELAS DALAM KALANGAN PELAJAR PERUBATAN DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

[1]* Yew Sheng Qian, [1] Mohd Firdaus Ismail

[1] Jabatan Perubatan Kesihatan Awam, Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur.

* shengqian@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pelajar perubatan didapati mempunyai tahap minat, pemahaman dan penglibatan dalam kelas yang rendah dalam subjek kesihatan pekerjaan. Oleh itu, satu program yang dikenali sebagai MATOSH telah dibangunkan dan keberkesanannya dari segi peningkatan tahap minat, pemahaman dan penglibatan dalam kelas telah dinilai. Fasa 1 menggunakan teknik kumpulan nominal untuk mengenalpasti kandungan bagi pembangunan MATOSH. Fasa 2 melibatkan temubual kognitif untuk pengesahan kandungan MATOSH. Fasa 3 merupakan kajian kuasi-eksperimen yang melibatkan 172 pelajar perubatan UKM (88 intervensi dan 84 kawalan). Ujian-t bersandar digunakan untuk menilai perubahan sebelum dan selepas intervensi, manakala ujian-t tidak bersandar digunakan untuk membandingkan perbezaan antara dua kumpulan. Pelajar dalam kumpulan intervensi menunjukkan peningkatan yang signifikan dari segi tahap pemahaman ($p < 0.001$), sebelum dan selepas menjalani MATOSH. Namun, tiada peningkatan dari segi tahap minat dan penglibatan dalam kelas. Apabila dianalisis mengikut jantina, pelajar perempuan menunjukkan peningkatan signifikan dari segi tahap penglibatan dalam kelas ($p = 0.025$). Pelajar dalam kumpulan intervensi juga menunjukkan kelebihan dari segi tahap pemahaman berbanding dengan kumpulan kawalan. Tiada kelebihan dari segi tahap minat dan penglibatan dalam kelas antara dua kumpulan. Kesimpulannya, MATOSH adalah berkesan dalam meningkatkan pemahaman subjek kesihatan pekerjaan dan penglibatan pelajar perempuan dalam kelas. Namun, tiada peningkatan dari segi minat dan penglibatan dalam kelas secara keseluruhan.

Kata Kunci: Kesihatan pekerjaan, metaverse, pelajar perubatan, pendidikan perubatan.

PEMBANGUNAN APLIKASI BAGI MEMPERKASA KEMAHIRAN PENGAMBILAN RADIOGRAF DALAM KALANGAN PRASISWAZAH PERGIGIAN

[1]* Azizah Ahmad Fauzi, [1] Nor Atika Ashar, [2] Lam Meng Chun, [1] Nurul Firdaus Abdul Rahidin

[1] Fakulti Pergigian, Universiti Kebangsaan Malaysia,

[2] Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

* azizah_fauzi@ukm.edu.my

ABSTRAK

Penyataan masalah: Penyeliaan pengambilan radiograf oleh kakitangan yang berkemahiran merupakan salah-satu cara untuk meningkatkan kualiti teknik pengambilan radiograf di kalangan mahasiswa pergigian. Walaubagaimanapun, terdapat kekangan masa dan bilangan kakitangan terlatih untuk menyelia pengambilan radiograf ini secara berterusan. Metodologi: Satu kajian awal telah dilakukan untuk menilai keberkesanan alat bantu pembelajaran sendiri bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam pengambilan radiograf periapikal. Di dalam kajian berkenaan, alat bantu pembelajaran sendiri yang dibangunkan adalah berbentuk kit latihan radiografi periapikal. Hasil kajian awal menunjukkan kesan penambahbaikan pengambilan radiograf dalam kumpulan pelajar yang menggunakan kit ini. Saiz kit yang agak besar menyebabkan penggunaannya terhad di tempat penginapan pelajar sahaja. Oleh itu, sistem aplikasi dijangka lebih berpeluang sebagai alat bantu pembelajaran sendiri. Aplikasi latihan radiograf periapikal yang berbentuk web-based app bermula pada Mac sehingga Disember 2024. Terdapat 4 fasa utama dalam membangunkan aplikasi ini, iaitu penyediaan storyboard aplikasi, pengumpulan bahan, fasa pembangunan oleh pihak pembekal, dan pengujian aplikasi. Aplikasi ini telah menjalani ujian penilaian pengguna dan menunjukkan prestasi yang baik merentas pelbagai peranti. Sekaligus menawarkan kebolehcapaian yang lebih tinggi bagi latihan sendiri teknik pengambilan radiograf. Kesimpulannya, aplikasi yang dibangunkan ini menyediakan platform yang lebih mudah dicapai untuk latihan radiografi secara sendiri. Seterusnya berpotensi sebagai alat bantu pembelajaran yang dapat melengkapi kaedah pengajaran konvensional untuk meningkatkan kemahiran pengambilan radiograf dalam kalangan prasiswazah pergigian.

Kata Kunci: aplikasi, radiograf, pergigian.

INNOVATIVE BOARD GAME-BASED LEARNING FOR ORTHODONTIC DIAGNOSIS IN PRE-CLINICAL DENTAL EDUCATION

[1]* Norhidayah @ Norzahidah Mohd Tahir, [1] Wan Nurazreena Wan Hassan, [1] Sherlynn Wong Woon Yee

[1] Department of Paediatric Dentistry and Orthodontics, Faculty of Dentistry, Universiti Malaya.

* norhidayahmt@um.edu.my

ABSTRAK

This project introduces an innovative, interactive orthodontic diagnostic board game designed to enhance learning among pre-clinical dental students. Traditional methods to teach diagnosing malocclusion often relied heavily on lectures and limited clinical exposure. Such approaches may not adequately engage students or provide sufficient variety of cases, yet assessments expect students to competently diagnose patients. This board game transforms complex diagnostic learning into a dynamic, student-centered experience that blends gamification with hands-on practice. The game comprises 3D-printed study models and anonymised animated clinical photographs, simulating real-world orthodontic cases in a low-stress, engaging format. Each player selects a case and must identify their opponent's chosen malocclusion through strategic questioning, reinforcing core diagnostic concepts while promoting critical thinking, pattern recognition, and communication skills. A glossary, learning prompts, and a reward mechanism further support educational goals and motivation. The game's design aligns with competency-based education and addresses common limitations in clinical exposure, particularly for less frequently encountered malocclusions. Feedback from a pilot test, evaluated using a modified Game Experience Questionnaire (GEQ), demonstrated high levels of engagement, perceived learning, and emotional positivity. The board game offers a scalable, reusable innovation that effectively supplements traditional orthodontic education while enhancing diagnostic confidence and critical thinking.

Keyword: gamification, board-game, orthodontic education, dental students, malocclusion.

MENEROKA KEUSAHAWANAN DIETETIK KOMUNITI MELALUI INOVASI BAHAN PENDIDIKAN: TRANSFORMASI PENGAJARAN DAN PENGUKUHAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN

[1]* Yee Xing You, [1] Nur Hana Hamzaid, [1] Norhaishah Harun, [1] Roslee Rajikan,
[1]Suzana Shahar

[1] Program Dietetik, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia

* youyeexing@ukm.edu.my

ABSTRAK

Modul kursus Keusahawanan Dietetik dalam Penuaan dan Rehabilitasi merupakan satu bentuk inovasi pengajaran yang mengaplikasikan empat peringkat Mezirow Transformative Learning Theory. Peringkat pertama bagi kursus ini adalah Disorienting Dilemma, di mana pelajar melakukan penilaian keperluan dalam konteks sebenar semasa latihan industri. Di Bait al-Mawaddah, isu pemakanan warga emas berkaitan pengurusan diabetes yang kompleks diperhalusi. Pada peringkat kedua — Critical Self-Reflection, pelajar menilai semula kefahaman pengurusan penyakit diabetes dan peranan mereka sebagai bakal pegawai dietetik. Peringkat ketiga pula — Rational Discourse berlaku semasa perbincangan dengan rakan, komuniti dan penjaga selaku pemegang taruh bagi menjana idea dan penyelesaian yang relevan dengan mengaplikasikan lima fasa design thinking iaitu empati, takrif masalah, penjaan idea, pembinaan prototaip dan ujian. Peringkat ini membuktikan pelajar mampu mencipta bahan pendidikan yang mempunyai nilai inovatif dan berpusatkan komuniti. Peringkat keempat — Personal Agency ditunjukkan apabila pelajar mengambil inisiatif membangunkan Diabetes Awareness Initiative (DAI)TM kit, iaitu bahan pendidikan yang mesra warga emas dan mudah difahami yang turut didaftarkan hak ciptanya. Hasilnya, kursus ini dapat membentuk pelajar yang mempunyai pemikiran kritikal dan inovatif. Impak positif kursus ini jelas ditunjukkan melalui pengukuhan kemahiran profesional dan interpersonal dalam kalangan pelajar, serta meningkatkan kebolehpasaran graduan dietetik melalui pengalaman pembelajaran yang transformatif.

Kata Kunci: dietetik, inovasi, kebolehpasaran, keusahawanan, transformatif

ADVANCING PHARMACY EDUCATION THROUGH VIRTUAL LABORATORY SIMULATION: A PROTOTYPE-BASED APPROACH TO PHYTOCHEMICAL SCREENING OF STEROIDS

[¹] Sharon Chong Yung Cheh, [¹]*Khairana Husain, [¹] Jamia Azdina Jamal,
 [¹] Juriyati Jalil, [¹] Ernieda Md Hatah

[¹] Centre for Drug & Herbal Development, Faculty of Pharmacy, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kuala Lumpur, 50300, Malaysia

* khairana@ukm.edu.my

ABSTRACT

Phytochemistry is a core component of pharmaceutical education, given the critical role of phytochemicals in drug discovery and the widespread use of plant-based traditional medicines. Proficiency in phytochemical analysis, particularly in identifying bioactive compounds such as steroids, is essential for pharmacy students. This study evaluates the effectiveness of a virtual laboratory simulation (VLS) as a pedagogical tool for phytochemical screening in undergraduate pharmacy education. Using a cross-sectional quasi-experimental design, pre- and post-test assessments were conducted to measure knowledge gains. A VLS prototype developed in Microsoft PowerPoint was introduced to pharmacy students at Universiti Kebangsaan Malaysia. Participants' knowledge and their perceptions of the VLS's usefulness and usability were assessed through an online questionnaire distributed via WhatsApp. Results revealed strong positive responses, with 96% of students affirming the educational value of the VLS and 96.8% indicating high usability. Knowledge scores showed significant improvement, with mean post-test scores (78.6%) higher than pre-test scores (36.6%). The findings suggest that VLS can effectively enhance student engagement and conceptual understanding in phytochemistry, serving as a valuable supplement to traditional teaching methods. The study emphasises the opportunity for broader adoption and further development of virtual simulations in pharmacy curricula to support experiential learning.

Keywords: Knowledge, Pharmacy, Phytochemistry screening, Perception, Virtual Laboratory Simulation.

“GAS UP”: PENDEKATAN PRAKTIKAL DALAM INTERPRETASI ARTERIAL BLOOD GASES

[1] Nadzirah bt Mohamad Rais, [1]*Maziah bt Ahmad Marzuki

[1] Jabatan Kejururawatan, Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia

* mzie@hctm.ukm.edu.my

ABSTRAK

Interpretasi arterial blood gases (ABG) menjadi cabaran kepada pelajar kejururawatan, khususnya di Pediatrik Intensive Care Unit (PICU) yang mempunyai persekitaran kompleks dan menimbulkan rasa takut atau tekanan belajar yang tinggi. Kesukaran memahami konsep dan proses interpretasi ABG menyebabkan pelajar kurang yakin semasa sesi pembelajaran di klinikal dan gagal mengaitkan teori dengan situasi pesakit sebenar. Bagi mengatasi masalah ini, kaedah inovatif Gas Up diperkenalkan sebagai pendekatan pembelajaran klinikal yang berasaskan real case scenario. Kaedah ini dilaksanakan dengan memberikan kad berlamina yang mudah dibawa, ditulis, dipadam, dan boleh digunakan semula semasa sesi pengajaran kepada pelajar. Pelajar diberikan keputusan ABG pesakit yang ditampal diatas kertas berlamina, kemudian pelajar diminta menulis nilai normal, membaca keputusan, menganalisis, dan membuat interpretasi. Senario klinikal diberikan bagi membolehkan pelajar mengaitkan teori dengan situasi pesakit sebenar, menjadikan proses pembelajaran lebih bermakna. Pendekatan ini membantu pelajar mengalihkan fokus daripada rasa takut kepada proses analisis yang lebih tersusun. Hasil pemerhatian menunjukkan pelajar lebih fokus, aktif semasa pembelajaran, serta kurang kebimbangan terhadap persekitaran. Kesimpulannya, kaedah kad berlamina seperti Gas Up dapat dijadikan strategi pengajaran klinikal yang efektif kerana terbukti membantu pelajar memahami topik dengan lebih mudah serta meningkatkan keberkesanan pembelajaran dalam persekitaran klinikal.

Kata Kunci: Arterial blood gases (ABG), pembelajaran klinikal, real case scenario, inovasi pendidikan kejururawatan, PICU.

LEGACY : MUZIUM MAYA WARISAN BUDAYA MALAYSIA

[1]*Muhammad Danial Hafiez Bin Mohammad Zulkiffly, Hadi Affendy Bin Dahlan

[1]Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

* had86@ukm.edu.my

ABSTRAK

Projek "Legacy: Muzium Maya Warisan Budaya Malaysia" bertujuan untuk menangani isu aksesibiliti dan pemuliharaan budaya Malaysia melalui pembangunan platform maya yang interaktif. Kajian ini bermula dengan permasalahan seperti keterhadapan akses ke muzium fizikal, kekurangan kesedaran generasi muda terhadap warisan budaya, dan kekurangan platform digital moden untuk pembelajaran budaya. Dengan menggunakan teknologi realiti maya (VR), muzium maya ini membolehkan pengguna meneroka artifak, pakaian tradisional, dan sejarah Malaysia melalui pengalaman multimedia yang kaya. Kaedah pembangunan menggunakan pendekatan Agile yang membolehkan reka bentuk dan pembangunan platform dilakukan secara berperingkat, disesuaikan dengan maklum balas pengguna. Hasil projek ini termasuk penciptaan model 3D sebanyak 10 artifak budaya Malaysia dan platform mesra pengguna yang boleh diakses melalui desktop, peranti mudah alih, dan VR. Projek ini menyumbang kepada ilmu dengan memperkenalkan teknologi pendidikan budaya secara maya yang menarik, dan berpotensi memperluaskan pemahaman tentang warisan Malaysia, terutama dalam kalangan generasi muda. Implikasi kepada dasar termasuk meningkatkan kesedaran budaya dan mempromosikan pemuliharaan warisan melalui inovasi digital, selaras dengan usaha ke arah digitalisasi sektor pendidikan dan kebudayaan.

GREENCHEM XPOSE: MEMUPUK MINAT STEM DAN KESEDARAN KIMIA HIJAU DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

[1]Siti Fairus Mohd Yusoff & [1]*Mohamad Azuwa Mohamed

[1]Jabatan Sains Kimia, Fakulti Sains dan Teknologi,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

* mazuwa@ukm.edu.my

ABSTRAK

GreenCHEM XPOSE merupakan inisiatif khidmat Masyarakat oleh Jabatan Sains Kimia, Fakulti Sains dan Teknologi, UKM yang direka untuk meningkatkan kesedaran pelajar sekolah menengah terhadap kepentingan sains tulen, khususnya dalam bidang Kimia Hijau. Bertemakan "Creating a Greener World Through Science", program ini menyasarkan 54 orang pelajar Tingkatan 3 dan 4 di SMK Tunku Kurshiah. Melalui pendekatan interaktif berasaskan 5 modul seperti eksperimen kimia lestari, sumber boleh diperbaharui, dan kecekapan tenaga, pelajar diberi peluang mengalami pembelajaran langsung yang menyeronokkan dan bermakna. Inovasi utama program ini ialah integrasi antara teori kimia hijau dengan kit eksperimen mesra alam yang dibangunkan khas untuk pembelajaran hands-on. Selain itu, program ini turut melatih kemahiran berfikir kritis, penyelesaian masalah, serta memperkukuh kerjasama antara pelajar dan fasilitator. GreenCHEM XPOSE bukan sahaja menyumbang kepada pengembangan minat terhadap STEM, malah memberi impak berterusan dalam membentuk generasi muda yang celik sains dan prihatin terhadap kelestarian alam sekitar.

Kata Kunci: kimia hijau, STEM, sekolah menengah, khidmat masyarakat, pendidikan lestari

TRANSFORMASI PEMBELAJARAN BERKESAN MELALUI APLIKASI PERSUASIF TANGANI TABIAT BURUK BAGI MEMPERKASA KAWALAN KENDIRI

[¹]*Hairulliza Binti Mohamad Judi, [¹]Foo Han Lin, [¹]Hazura Binti Mohamed, [¹]Siti Aishah Binti Hanawi, [¹]Ruzzakiah Binti Jenal

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

* hmj@ukm.edu.my

ABSTRAK

Ramai pelajar institusi pengajian tinggi cenderung bertanggung dalam menyiapkan tugas dan membuat persediaan peperiksaan. Tabiat ini berlaku disebabkan oleh kelemahan pengurusan masa, gangguan media sosial, serta kurangnya motivasi dalaman yang mengakibatkan prestasi akademik merosot, tekanan emosi, dan kehilangan keyakinan diri. Kajian ini memperkenalkan satu inovasi berbentuk aplikasi mudah alih untuk membantu pelajar mengawal tabiat buruk ringan secara sendiri. Aplikasi ini memanfaatkan pendekatan persuasif melalui elemen motivasi, penjejakan kemajuan, dan peringatan yang direka bentuk secara psikologi untuk mendorong perubahan tingkah laku. Melalui aplikasi ini, proses pembelajaran sendiri pelajar berubah menjadi lebih interaktif, terkawal dan berfokus kepada peningkatan kesedaran diri. Inovasi ini dibangunkan bagi menangani kekangan motivasi dan kekurangan sistem pemantauan sendiri dalam usaha pelajar mengurus tabiat negatif. Ciri penjejakan sendiri membolehkan pengguna memantau kemajuan mereka dengan integrasi teknologi mudah alih untuk menjadikan intervensi pengawalan tabiat lebih mudah diakses, peribadi dan berterusan. Pelaksanaan aplikasi ini menggunakan Model Air Terjun, merangkumi analisis keperluan, reka bentuk, pembangunan, dan ujian keberkesanan. Beberapa penambahbaikan telah diintegrasikan berdasarkan maklum balas pengguna awal, termasuk penyesuaian notifikasi dan ciri ganjaran untuk meningkatkan keterlibatan. Aplikasi persuasif ini berpotensi membantu pelajar mengurangkan tabiat buruk secara berperingkat sambil meningkatkan kawalan diri dan mengikuti pembelajaran dengan penuh minat dan kesedaran.

Kata Kunci: Tabiat buruk, persuasif, kawalan sendiri.

BACTOTALKXR: AN IMMERSIVE METAVERSE JOURNEY INTO BACTERIAL CHATTER

* Noorashikin Md Noor, Muhammad Syukri Sabri, Sri Aisyah Adim, Nur Syuhada Mohd Iskandar, Siti Norliyana Harun

Institute of Climate Change, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

* *Koresponden noor@ukm.edu.my*

ABSTRAK

BactoTalkXR is an immersive learning module designed on a metaverse platform to introduce the complex concept of quorum sensing (QS) in marine ecosystems. It addresses the challenge students face in visualizing microbial communication and understanding how QS regulates bacterial virulence, biofilm formation, and resistance, a crucial knowledge in the era of rising antibiotic resistance. Through a virtual coral reef environment, students explore how bacteria “talk” using chemical signals and how disrupting these signals can offer non-antibiotic alternatives in aquaculture. The module adopts a transformative teaching approach with interactive storytelling, digital simulations, and reflective activities. Developed collaboratively by marine scientists, and STEM educators, it offers a scalable, low-cost solution for teaching advanced microbial ecology. A pilot with 10 students showed a 70% improvement in conceptual understanding and a 80% increase in engagement. While not yet presented publicly, BactoTalkXR is planned for dissemination through academic conferences and journal publication. Its design and content are also being prepared for potential copyright registration under MyIPO. This innovation directly supports SDG 4 (Quality Education) and SDG 14 (Life Below Water) by revolutionizing microbial education for sustainability and biosecurity.

Keywords: Antibiotic Alternatives, Augmented Reality (AR), Microlearning, Marine Science, Metaverse Education.

BOLD INNOVATIVE INSIGHTS INTO EFFECTIVE RESEARCH SUPERVISION FROM PHARMACY UNDERGRADUATES

* Adyani Md Redzuan, Puteri Nur Irdina Nadhirah Rizman , Siti Azdiah Abdul Aziz,
Zainol Akbar Zainal

Faculty of Pharmacy, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jalan Raja Muda Abdul Aziz,
50300 Kuala Lumpur

* *adyani@ukm.edu.my*

ABSTRACT

Effective supervision is a critical determinant of undergraduate research success; however, limited evidence exists on this topic from the perspective of pharmacy students. This cross-sectional study examined Malaysian pharmacy undergraduates' perceptions of effective research supervision, the factors influencing these perceptions, and potential differences according to demographic profiles. Data were collected via an online questionnaire administered to students from public and private universities who had undertaken a final-year research project. Descriptive statistics and chi-squared tests were performed. Among 100 respondents, the majority were female (83%), Malay (67%), and enrolled in public universities (97%). Overall, 93% reported a high level of satisfaction with their supervisors. The most valued supervisory attributes were problem-solving skills, subject-matter expertise, and knowledgeability. Key elements perceived as essential for effective supervision were maintaining a professional supervisor-student relationship, providing comprehensive discussions of learning needs, and establishing clear links between theory and practice. No significant associations were identified between demographic factors and satisfaction levels. These findings indicate that Malaysian pharmacy undergraduates generally perceive their research supervision positively, with relational and pedagogical competencies regarded as most important. The results may inform the development of targeted strategies to strengthen supervisory practices, thereby enhancing research experiences and thesis quality at the undergraduate level.

Keywords: pharmacy students, research supervision, satisfaction, final-year project, undergraduate research

BOLD PLATFORM ROBOTIK MODULAR SEBAGAI ALAT PEMBELAJARAN AI TRANSFORMATIF UNTUK PENDIDIKAN PRAKTIKAL

[1]* Nazrul Anuar Nayan, [2] Rosmina Jaafar

[1] Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia, [2] Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

* *nazrul@ukm.edu.my*

ABSTRAK

Pendidikan kejuruteraan dan sains komputer sering menghadapi cabaran dalam merapatkan jurang antara teori Kecerdasan Buatan (AI) yang dipelajari dalam kuliah dengan aplikasi praktikal di dunia sebenar. Bagi menangani masalah ini, satu inovasi pengajaran melalui platform robotik modular sebagai alat pembelajaran transformatif diperkenalkan, direka khas untuk para pelajar berinteraksi secara terus dengan sistem pintar yang kompleks. Teras kepada sistem ini adalah komputer papan tunggal NVIDIA Jetson Orin Nano, di mana kuasa pemprosesan teras CUDA-nya memacu proses penaakulan AI secara masa-nyata (on-the-edge). Pelajar membangunkan kod Python menggunakan kerangka Robot Operating System (ROS) untuk memproses data daripada pelbagai penderia. Matlamat utama pembelajaran adalah untuk membolehkan pelajar menguasai hubungan antara AI dan penderia, di mana mereka melatih Jaringan Neural Konvolusional (CNN) untuk 'mengajar' robot mengenali objek melalui kamera, sambil mengimplementasi algoritma Simultaneous Localization and Mapping (SLAM) menggunakan data penderia LiDAR untuk navigasi autonomi. Pengalaman langsung ini, di mana kod tulisan pelajar memberi kesan langsung kepada keupayaan robot untuk melihat dan bergerak, menyediakan sebuah 'medan permainan' (sandbox) perkakasan yang berkesan untuk mereka menguji dan mengesahkan sistem pacuan AI ciptaan mereka. Kesimpulannya, inovasi ini berjaya memupuk pemahaman mendalam dan kemahiran praktikal yang kritikal, seterusnya melahirkan generasi jurutera dan saintis komputer yang lebih bersedia untuk memenuhi permintaan tinggi dalam industri automasi dan robotik pintar.

Kata Kunci: Robotik Modular, Pembelajaran AI, NVIDIA Jetson, Pendidikan Kejuruteraan, ROS.

MAKMAL LCA MAYA: PENGAJARAN INTERAKTIF PENILAIAN KITAR HAYAT MELALUI METAVERSE

[1]* Siti Norliyana Harun, [1]Siti Nurshahirah Shamsul, [1]Mazidah Mazri, [1]Marlia Mohd Hanafiah, [1]Wan Hanna Melini Wan Mohtar, [1]Noorashikin Md Noor

[1]Institut Perubahan Iklim, Universiti Kebangsaan Malaysia

* sitinorliyana@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pengajaran konvensional bagi topik Penilaian Kitar Hayat (LCA) sering bergantung kepada kuliah pasif dan nota bercetak, yang mengehadkan pengalaman pembelajaran pelajar. Inovasi ini memperkenalkan Makmal LCA Maya menggunakan platform metaverse percuma (Spatial.io) sebagai medium pengajaran interaktif. Melalui pendekatan ini, pelajar dapat mengunjungi secara maya galeri untuk mempelajari pengenalan LCA dan kajian kes untuk memahami kesan alam sekitar di setiap peringkat kitar hayat. Pembangunan modul melibatkan reka bentuk ruang 3D, integrasi bahan multimedia, dan penilaian keberkesanan bersama pelajar kursus Penilaian Kitar Hayat. Hasil awal menunjukkan peningkatan kefahaman konsep LCA melalui perbandingan ujian pra dan pasca, di samping meningkatkan motivasi pembelajaran. Inovasi ini berpotensi diterapkan secara meluas dalam pendidikan kelestarian bagi memupuk pemikiran sistem dan kesedaran alam sekitar yang lebih mendalam.

Kata Kunci: Penilaian Kitar Hayat, metaverse, pengajaran interaktif, pembelajaran imersif, kelestarian.

TRANSFORMASI DIGITAL PENTAKSIRAN ALTERNATIF PROJEK TAHUN AKHIR SECARA HOLISTIK DAN BERSEPADU

[1]* Hazura Mohamed, [1]Ruzzakiah Jenal, [1]Siti Fadzilah Mat Noor, [1]Mastura Sahak,
[1]Nor Ana Mansor

[1]Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi
Selangor.

* hazura.mohamed@ukm.edu.my

ABSTRAK
